

Krisis Ekonomi Jordan Gugat Teluk



SEMASA "Arab Spring" berlaku pada tahun 2011, Jordan dikatakan sebagai antara negara di rantau tersebut yang terselamat daripada gelombang kebangkitan rakyat itu yang berjaya menumbangkan beberapa pemerintahan diktator seperti di Mesir dan Libya. Namun demikian, pada masa ini, sekutu kuat Amerika Syarikat itu mula berhadapan dengan protes rakyat secara besar-besaran yang datang daripada punca yang sama seperti "Arab Spring", iaitu krisis ekonomi.

Protes itu dibentuk oleh kumpulan bebas yang dikenali sebagai Hirak Shababi yang bermaksud "gerakan belia" yang dianggotai kumpulan masyarakat sivil dan persatuan profesional. Dua buah kumpulan terbesar di Jordan yang terlibat ialah Persatuan Jurutera Jordan dan Lembaga Guru-guru Jordan. Gabungan pertubuhan itu diangggarkan mencecah keanggotaan sebanyak 300 ribu orang.

Protes rakyat itu dibuat bagi menentang usaha kerajaan yang memperkenalkan undang-

undang cukai pendapatan yang baharu sebagai langkah yang penting untuk melaksanakan pembaharuan ekonomi. Sebaliknya rakyat pula melihat undang-undang itu lebih cenderung untuk menindas golongan miskin dan golongan pertengahan. Hal ini dikatakan demikian kerana dasar tersebut akan meningkatkan bilangan penduduk yang diwajibkan membayar cukai, iaitu antara 4.5 peratus hingga 10 peratus memandangkan tahap pendapatan yang dicukai akan diturunkan.

Untuk sebuah keluarga, cukai yang dikenakan bermula AS\$22 500 (RM73 523) berbanding dengan sebelum ini, iaitu AS\$34 000 (RM111 101), manakala pendapatan individu yang dicukai pula ialah AS\$11 200 (RM36 598) berbanding dengan nilai terdahulu sebanyak AS\$17 000 (RM55 550).

Kadar inflasi pula dilaporkan meningkat dua kali ganda sejak tahun 2006, sekali gus meningkatkan harga barang keperluan.

Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Jordan, kadar pengangguran di Jordan yang turut membabitkan graduan universiti dilaporkan berada pada tahap yang cukup tinggi, iaitu 18.4 peratus dalam tempoh 25 tahun walaupun terdapat pengkritik yang menjangkakan angka yang lebih tinggi lagi sehingga bakal meletakkan Amman dalam keadaan yang cukup kritikal. Bank Dunia pula mengakui kadar pengangguran itu turut mendedahkan keadaan Jordan yang mengalami prospek pertumbuhan yang lemah pada tahun ini.

Kadar inflasi pula dilaporkan meningkat dua kali ganda sejak tahun 2006, sekali gus meningkatkan harga barang keperluan. Difahamkan bahawa dalam tempoh lapan tahun, kerajaan telah menukar undang-undang cukai pendapatan sebanyak lapan kali.

Di samping itu, undang-undang cukai tersebut juga mencadangkan supaya kadar cukai bank dikenakan antara 35 peratus hingga 40 peratus. Daripada pelaksanaan itu, kerajaan Jordan dijangkakan mampu memperoleh peningkatan pendapatan antara AS\$350 juta (RM1.14 bilion) hingga AS\$430 juta (RM1.41) dari tahun 2020 hingga tahun 2021.

Ekoran bantahan daripada kumpulan protes itu, Perdana Menteri Hani Al-Mulki telah meletak jawatan dan dianggap sebagai suatu kemenangan moral awal untuk rakyat. Susulan kejayaan itu, mereka terus mendesak kerajaan supaya memperbaiki sepenuhnya sistem dan pendekatan yang dipakai dalam pentadbiran selama ini. Antara tuntutan mereka termasuklah kerajaan perlu memperkenalkan semula subsidi roti dan proses minyak.

Pelantikan jawatan itu bukan kali yang pertama kerana sejarah Jordan menyaksikan perdana menteri berjaya dijatuhkan melalui protes sebanyak tiga kali, iaitu pada tahun 1955 dan tahun 1989 yang berpunca daripada faktor yang hampir sama, yakni kerana krisis politik dan ekonomi.

Dalam tempoh terdekat pula, pengunduran Al-Mulki merupakan kejayaan susulan rakyat daripada demonstrasi yang berlaku pada Februari

lalu apabila rakyat bangkit untuk memprotes peningkatan harga barang selepas kerajaan menaikkan cukai antara 50 peratus hingga 100 peratus atas makanan asas, seperti roti, sebagai langkah bagi mengurangkan defisit belanjawan sebanyak AS\$700 juta (RM2.29 bilion).

Keadaan ini turut menyebabkan *The Economist* meletakkan Amman sebagai bandar negara Arab yang paling mahal untuk diduduki dan yang ke-28 di seluruh dunia tatkala Kesatuan Perdagangan Jordan mendedahkan bahawa gaji minimum AS\$310 (RM1013) sebulan adalah kurang daripada kemampuan untuk meneruskan kehidupan di negara itu.

Jordan berdepan dengan beban ekonomi yang cukup tinggi apabila hutang negara itu mencecah AS\$40 bilion (RM130 bilion) dan kerajaan perlu membayar lebih daripada AS\$1.20 bilion (RM3.90 bilion) untuk kadar faedah sahaja setiap tahun yang sudah tentu menambahkan beban kewangan. Sementara itu, nisbah hutang berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula sudah mencecah 95 peratus, iaitu menunjukkan peningkatan berbanding dengan 71 peratus yang dicatatkan pada tahun 2011.

Perkara yang turut mengundang ketidakstabilan di dalam negara ini sehingga menjadi bertambah buruk ialah apabila seketuanya dari Majlis Kerjasama Teluk (GCC), iaitu Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait tidak memperbaharu program bantuan kewangan lima tahun dengan Amman yang bernilai AS\$3.60 bilion (RM11.76 bilion) yang berakhir pada tahun lalu. Setakat ini, hanya Amerika Syarikat yang menjadi penyumbang kepada Jordan apabila Setiausaha Negara, Rex Tillerson, menandatangani perjanjian bantuan lima tahun bernilai AS\$6.38 bilion (RM20.83 bilion) dengan Menteri Luar, Ayman Al-Safadi.

Seperkara yang penting untuk disentuh ialah apabila tercetusnya bantahan susulan yang berjaya mendesak Perdana Menteri negara itu untuk meletak jawatan, kebimbangan turut meningkat dalam kalangan pemerintah di negara Teluk yang lain. Mereka bimbang akan kemungkinan kebangkitan rakyat yang sama berpotensi merebak ke negara masing-masing yang dapat disifatkan sebagai "Arab Spring 2.0".

Hal ini dibangkitkan oleh Salameh Aldarawi, editor berita dalam talian Maqar, apabila mengatakan krisis ekonomi Jordan secara

Jordan berdepan dengan beban ekonomi yang cukup tinggi apabila hutang negara itu mencecah AS\$40 bilion (RM130 bilion).

langsung mempunyai hubungannya dengan tahap kestabilan di rantau tersebut. Kebanyakan negara Teluk berusaha untuk mengelak protes prodemokrasi seperti yang tercetus berulang kali melalui "Arab Spring" dahulu.

Selain itu, negara itu bekerjasama untuk mengukuhkan hubungan ekonomi di rantau itu ekoran kejatuhan harga minyak pada tahun 2014. Aldarawi yang banyak menulis perihal ekonomi Jordan turut mengaitkan peperangan yang meletus di Syria dan Iraq yang juga dua buah negara rakan dagangan terbesar Jordan yang telah mengganggu pertumbuhan ekonomi negara itu.

Pada masa yang sama, kerajaan Jordan dilaporkan turut menyalahkan masalah ekonomi yang dihadapi ekoran ketidakstabilan di rantau itu serta beban mengurus ratusan ribu pelarian Syria yang didakwa tidak mendapat sokongan antarabangsa yang secukupnya.

Walaupun mengakui Jordan berada dalam kesukaran akibat peperangan yang berlaku dalam kalangan negara jiran, Profesor Madya daripada Case Western Reserve University, Pete Moore pula berkata, masalah ekonomi di Jordan sebenarnya sudah melarat agak lama sebelum pelarian tiba atau bantuan kewangan berkurangan.

Daripada jumlah populasi Jordan sebanyak 9.5 juta orang, tiga juta orang daripadanya ialah kumpulan pelarian - yang paling banyak dar' Palestin sebanyak 2.2 juta orang, Syria 0.7 juta orang, Iraq 0.07 juta orang, dan dari negara-negara lain 0.02 juta orang.

Beliau menjelaskan, punca utama krisis ekonomi Jordan ada kaitannya dengan dasar monarki Jordan sejak dekad 1980-an yang menumpukan perhatian yang berlebihan untuk membangunkan secara agresif sistem ketenteraan semasa pemerintahan Raja Hussein. Dari segi per kapita, rejim pemerintah secara dasarnya telah menganggu kewangan negara semata-mata untuk hal ehwal ketenteraan dan perbelanjaan wang yang kabur.

Di samping itu, kata Moore, dasar ini juga menjadi punca utama kepada krisis sosioekonomi yang dihadapi Jordan akibat peruntukan belanjawan yang rendah. Oleh itu, langkah kerajaan yang menaikkan harga barang dan cukai hanya memberikan kesan kepada golongan rendah dan pertengahan apatah lagi tanpa peningkatan gaji dan jaringan keselamatan sosial.



Kadar pengangguran di Jordan dilaporkan berada pada tahap yang cukup tinggi, iaitu 18.4 peratus dalam tempoh 25 tahun.

Sehubungan dengan hal itu, satu persidangan serantau diadakan di Makkah untuk membincangkan masalah yang melanda Jordan. Antara yang hadir dalam pertemuan itu termasuklah Raja Salman (Arab Saudi), Raja Abdullah II (Jordan), Emir Sheikh Sabah Al Ahmad Al Sabah (Kuwait) dan Putera Mahkota Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan (UAE).

Daripada persidangan itu, Raja Abdullah II menyatakan harapan agar bantuan kewangan dapat disediakan untuk membantu Jordan bagi mengimbangi belanjawan defisit semasa yang ditanggung. Selain itu, baginda turut menggesa negara sekutu Teluk agar memperbaharu geran perjanjian kewangan sebelum ini yang telah menyuntik AS\$1.25 bilion (RM4.08 bilion) setahun dalam perbendaharaan Jordan bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2017.

GCC turut menawarkan kepada Jordan jaminan dalam bentuk deposit yang akan disalurkan ke dalam Bank Pusat Jordan, jaminan Bank Dunia serta sokongan belanjawan lebih daripada lima tahun. GCC

GCC turut menawarkan kepada Jordan jaminan dalam bentuk deposit yang akan disalurkan ke dalam Bank Pusat Jordan.

membuat pengumuman mengenai bantuan itu selepas Ketua Dasar Luar Kesatuan Eropah, Federica Mogherini, mengumumkan bantuan AS\$23.5 juta atau €20 juta (RM76.79 juta) kepada Jordan.

Sementara itu, daripada pihak GCC pula, satu keputusan strategik diambil untuk membantu dua buah negara monarki, iaitu Jordan dan Maghribi melalui perjanjian lima tahun yang bernilai lebih daripada AS\$5 bilion (RM16.34 bilion) untuk setiap negara tersebut.

Mengulas perkembangan krisis ini, memetik laporan Al-Jazeera, penganalisis ekonomi, Mazen Irsheid berkata, masalah ekonomi terbesar Jordan adalah kerana kebergantungan bantuan asing yang keterlaluan. Keadaan ini telah menafikan keperluan untuk melaksanakan pembaharuan ekonomi serta menyebabkan korupsi membiak.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan yang berkaitan dengan bantuan kewangan dari negara Teluk yang disalurkan terus ke dalam belanjawan Jordan yang dikatakan hanya mencipta satu bentuk keselamatan ekonomi yang palsu serta melambatkan agenda pembaharuan untuk dilaksanakan secara menyeluruh.

Al-Jazeera turut melaporkan bahawa pengkritik bersetuju bahawa langkah bantuan kewangan ini tidak membantu Jordan untuk menyelamatkan ekonomi, sebaliknya hanya cenderung berbentuk simbolik dan solidariti moral berbanding dengan menyediakan penyelesaian yang lebih kukuh kepada krisis ekonomi itu.

Langkah pembaharuan ekonomi juga sebenarnya pernah dilaksanakan oleh Jordan sekitar awal dekad 2000-an supaya selaras dengan pengenalan perdagangan besar dan dasar neoliberalisme yang dibawa oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Walaupun bagaimanapun, agak kurang jelas dasar yang dilaksanakan apabila

duti kastam yang menjadi antara sumber pendapatan terbesar Jordan mula berkurangan, manakala dasar bebas cukai yang bertujuan untuk menarik pelaburan langsung asing memberikan kesan kepada belanjawan negara.

Peluang perniagaan yang dibuka juga lebih banyak memberikan manfaat kepada kumpulan asing berbanding dengan rakyat Jordan sendiri. Pembinaan zon perdagangan bebas pada awal dekad 2000-an telah melaksanakan pengecualian cukai. Zon yang dinamakan Qualifying Industrial Zones yang menghasilkan pakaian dengan nilai AS\$1.3 bilion (RM4.25 bilion) setahun kebanyakannya dimiliki firma dari Asia Tenggara.

Namun begitu, daripada 56 ribu orang pekerja yang diupah, hanya 30 peratus yang merupakan penduduk tempatan. Situasi ini, menurut Tariq Tell daripada American University of Beirut, hanya memberikan keuntungan kepada pekerja dan perniagaan kecil disebabkan gaji yang ditawarkan adalah rendah. Beliau turut berkata, sektor perbankan Jordan juga dimiliki oleh Arab Saudi.

Semasa pengunduran al-Mulki berlaku, Raja Abdullah II pula melantik Omar al-Razzaz sebagai Perdana Menteri baharu dalam suasana negara yang cukup kritikal. Selain membentuk kerajaan baharu, sudah tentu al-Razzaz perlu memberikan tumpuan untuk menyemak semula sistem percukaian negara.

Cabaran ini nampaknya digalas pada individu yang tepat kerana al-Razzaz yang berkelulusan Universiti Harvard mempunyai pengalaman yang luas sebagai ahli ekonomi di Bank Dunia. Beliau juga memiliki pengalaman dalam pentadbiran kerajaan sebagai menteri pendidikan dan dikatakan merupakan tokoh yang digemari oleh rakyat negara itu.

Sungguhpun demikian, masih terlalu awal untuk bersikap positif dengan pentadbiran baharu ini melainkan Jordan berjaya membentuk sebuah sistem ekonomi yang dapat membasmi korupsi dan mengurangkan perbelanjaan awam, selain mengurangkan kebergantungan pada bantuan asing sahaja.

Rakyat Jordan sedang bersiap sedia – sekiranya kesilapan pelaksanaan dasar ekonomi diambil oleh kerajaan, tidak mustahil ketakutan Teluk kepada “Arab Spring” untuk kali yang kedua boleh berlaku semula. •

Hani Al-Mulki,
mantan Perdana
Menteri Jordan.

